

DATE : 19 AUG 2017
PUBLICATION : BERITA HARIAN
SECTION : BISNES
HEADLINE : JOHOR INTAI PROJEK ROBOTIK, BIOTECKNOLOGI
CATEGORY : MENTION
MEASUREMENT : 88.08CM²
TONE : NEUTRAL
REMARKS : NIL

Johor intai projek robotik, bioteknologi

Johor yang berhasrat mempelbagaikan ekonominya, menyasar mengekalkan pembuatan sebagai penyumbang terbesar kepada ekonomi negeri, kata Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Beliau berkata, negeri itu mengintai beberapa projek dalam bidang baharu termasuk robotik dan bioteknologi.

"Kita ada memorandum persefahaman bagi industri robotik untuk meneroka dan menukarkan Johor menjadi hab serantau. Jika berjaya, ia akan membabitkan pelaburan RM15 bilion.

"Kita juga merancang menukarkan Johor menjadi hab kesihatan dan menyasar pelaburan lain dalam pelancongan. Terdapat ba-

nyak perancangan tetapi belum masa yang sesuai lagi untuk mengumumkannya sebagai pelaburan kerana ia masih pada peringkat perancangan," katanya.

Penerima terbesar pelaburan Mohamed Khaled berkata, Johor adalah penerima terbesar pelaburan dalam sektor pembuatan berjumlah RM27 bilion pada 2016.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan permieteraian memorandum persefahaman antara Serba Dinamik Holdings Bhd dan Izin Budi Sdn Bhd, di Kuala Lumpur, semalam.

Serba Dinamik dan Izin Budi akan membangunkan bersama projek perindustrian dan komersial di Pengerang, Johor, dengan

fasa pertama dijangka bermula Januari 2018.

Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Serba Dinamik, Datuk Dr Ir Mohd Abdul Karim Abdullah, berkata keseluruhan projek itu dengan nilai pembangunan kasar RM1.4 bilion, akan mengambil masa lima tahun untuk disiapkan.

Jawatankuasa bersama

Pembangunan itu akan terdiri daripada pusat penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih minyak dan gas pertama negara, serta pemeriksaan, pembaikan dan penyenggaraan, Global Centre of Excellence, Taman Perindustrian Eko Pengerang, Pusat Komersial Antarabangsa Pengerang dan Penge-

rang Northshore Residence.

"Kami akan membentuk jawatankuasa bersama dengan Izin Budi untuk mengadakan perbincangan selanjutnya dengan pihak berkuasa tempatan di Johor. Dari situ, kami akan dapat mengumumkan pelan pelaksanaan yang lebih terperinci.

"Keutamaan adalah apa yang diperlukan dalam fasa pertama untuk menyokong pembangunan projek Pembangunan Bersepadu Perapisan Minyak dan Petrokimia dan diikuti dengan komponen selebihnya," katanya.

Pada sesi penutup saham Serba Dinamik naik lima sen untuk ditutup kepada RM2.16 dengan 9.79 juta unit diniagakan di Bursa Malaysia, semalam. **BERNAMA**



Kita juga merancang menukarkan Johor menjadi hab kesihatan dan menyasar pelaburan lain dalam pelancongan"

Mohamed Khaled Nordin,
Menteri Besar Johor